

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa banyak menara pencawang baharu diluluskan untuk Sabah tahun ini, bagi memberikan akses internet kepada penduduk, terutama di kawasan pedalaman dan terpencil, selaras usaha merapatkan jurang digital di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat terutama di negeri Sabah menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 lalu, bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G, sejumlah 425 menara baharu akan dibina di negeri Sabah. Dari jumlah ini, 41 menara baharu akan dibina pada tahun 2020. Manakala, sebanyak 2,202 alat pemancar

NO SOALAN : 17

komunikasi sedia ada akan dinaiktaraf kepada teknologi 4G termasuk 1,278 alat pemancar akan dinaik taraf pada tahun ini.

Sebagai tambahan, bagi jalur lebar talian tetap pula, sebanyak 190,115 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan gigabit melalui rangkaian gentian optik termasuk 41,227 premis yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Kesemua inisiatif ini dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun 2022.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.